

INTEGRASI WAKAF DAN PEMBIAYAAN MIKRO ISLAM: PROSPEK DAN CABARAN

INTEGRATION OF WAQF AND ISLAMIC MICROFINANCE: PROSPECTS AND CHALLENGES

Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidiⁱ, Muhamad Firdaus Ab Rahmanⁱⁱ & Azman Ab Rahmanⁱⁱⁱ

ⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: hussein@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: hussein@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: azman@usim.edu.my

Abstrak

Pembiayaan mikro Islam merupakan salah satu instrumen kewangan yang terbukti mampu untuk mengupayakan populasi miskin dan luar bandar. Ia dilaksanakan dengan cara memberikan akses pembiayaan berskala kecil bagi tujuan keusahawanan. Namun kos operasinya agak tinggi kerana melibatkan kerja-kerja lapangan bersama masyarakat miskin yang perlu dijalankan secara kerap dan selalunya tertumpu di kawasan luar bandar. Program sokongan keusahawanan – yang turut memakan belanja besar – juga perlu dilaksanakan secara berkala memandangkan populasi ini mempunyai tahap literasi pengurusan dan keusahawanan yang rendah. Akibatnya, produk pembiayaan mikro terpaksa ditawarkan dengan kadar caj yang agak mahal bagi menampung kos operasi. Inisiatif untuk mengintegrasikan perlaksanaan pembiayaan mikro Islam dan wakaf dilihat antara solusi ideal yang mampu menyantuni permasalahan ini. Ini

Abstract

Islamic microfinance is one of the instruments that has been proven its ability in empowering the impoverished and rural population. It is implemented by giving a small-scale financing for entrepreneurial purposes. However, the cost operation is said to be high since it involves vast fieldworks that need to be carried regularly not to mention that these often concentrated in rural areas. Entrepreneurship support programs - which are also costly - should also be offered periodically as this population is believed to have a low level of management literacy and entrepreneurship. microfinance products have to be offered at a fairly expensive charge to cover operating costs. As a result, the financial products have to be offered with a high charge so as to cover the operating costs. The initiative to integrate the Islamic microfinance and waqf is seen to be among the ideal solutions to address this problem. This is because waqf and Islamic microfinance share a common concern of empowering the poor, the Muslim community

kerana wakaf dan pembiayaan mikro Islam berkongsi matlamat yang sama iaitu untuk memperkasakan populasi miskin khususnya masyarakat muslim. Walau bagaimanapun, saranan sebegini kurang dibincangkan secara mendalam dan sistematik. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka keboleh-laksanaan pengintegrasian antara wakaf dan pembiayaan mikro Islam dari sudut prospek dan cabarannya. Kaedah kepustakaan dan analisis kandungan digunakan bagi mencapai objektif. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa prospek yang mampu memberi impak positif terhadap institusi pembiayaan mikro Islam, institusi wakaf dan pembangunan sosial. Beberapa isu serta cabaran turut dikenalpasti dan perlu diperhalusi sebaiknya. Diharapkan kajian ini mampu dijadikan rujukan dan panduan dalam usaha membangunkan pelaksanaan pembiayaan mikro Islam dan wakaf yang lebih mampan.

Kata kunci: wakaf, pembiayaan mikro Islam, populasi miskin, pembangunan sosial

in particular. Nevertheless, this notion is seldom discussed in a thorough and systematic manner. Therefore, the present study is aimed at exploring the practicality of the integration of waqf and Islamic microfinance in terms of its prospects and challenges. Library approach and content analysis are adopted to realise the objective. The findings indicate that there are several prospects that can positively impact the Islamic microfinance institutions, waqf institutions and the community at large. Some issues and challenges are also identified and deserve attention. It is hoped that this study could provide some insights and practical guidance towards better practice of Islamic microfinance and waqf.

Keywords: Waqf, Islamic microfinance, impoverished population, social development

PENDAHULUAN

Masyarakat Muslim sering dikaitkan dengan kemunduran dan kemiskinan. Menurut data daripada Human Development Index yang dikeluarkan oleh United Nations Development Programme (UNDP) (2019), sejumlah besar negara-negara majoriti Muslim direkodkan sebagai berpopulasi 'miskin' atau 'miskin tegar'. Negera-negara ini juga turut mendapat skor yang agak rendah dari aspek nutrisi seimbang, kesihatan, jangka hayat munasabah dan pendidikan. Islam sebagai agama yang sejahtera amat menitikberatkan soal pembangunan dan pengupayaan populasi miskin. Di dalam al-Quran menyebut:

Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah... memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-

orang yang meminta-minta; dan (memerdekakan) hamba sahaya, mendirikan shalat, dan menunaikan zakat; dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka itulah orang-orang yang bertakwa. (Al-Baqarah 2: 177)

Islam turut mengusulkan beberapa strategi bagi memperkasakan populasi miskin. Antaranya melalui hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik:

Seorang lelaki miskin dari kaum Ansar telah datang kepada Nabi SAW meminta-minta daripada baginda. Nabi SAW berkata: Apakah barang yang engkau ada di rumah? Lelaki itu berkata: Sehelai selimut yang kami gunakan (untuk tidur dan sebuah kendi yang kami gunakan untuk minum. Nabi SAW berkata: Bawakan semuanya kepadaku. Lalu baginda SAW lelongkan barang-barang tersebut. Hasilnya sebanyak dua Dirham diserahkan kepada lelaki tersebut. Baginda SAW berkata: Gunakan satu dirham untuk keperluan makanan keluargamu, satu dirham lagi untuk membeli kapak dan batwa ia kepadaku. Lelaki tersebut mengikut perintah Nabi SAW dan baginda berkata: keluarlah dan kumpullah kayu api. Jangan bertemuku selepas lima belas hari. Lelaki tersebut menurut perintah nabi dan dia datang semula bersama sepuluh dirham (hasil jualan kayu api). Nabi SAW berkata: Ini lebih baik daripada engkau datang di Hari Kiamat dengan muka bertanda sebagai pengemis. Mengemis itu adalah untuk mereka yang benar-benar miskin yang terbeban dengan hutang atau beban diyat. (Ibn Majah 2007).

Beberapa strategi pembasmian kemiskinan dapat dipelajari melalui hadis ini. Pertamanya, keperluan kepada rangkuman kewangan atau *financial inclusion*. Ia merujuk kepada pemberian akses pembiayaan kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira status (Yoshino dan Morgan 2018). Rangkuman kewangan juga merupakan antara mekanisme terpenting dalam agenda pembasmian kemiskinan (World Bank 2015). Keduaanya, antara kaedah berkesan dalam pembasmian kemiskinan dan pemerksaan populasi luar bandar ialah melalui aktiviti perniagaan. Ketiganya, populasi miskin perlulah dibimbing sebaiknya tentang bagaimana untuk menguruskan wang bagi aktivi perusahaan yang boleh membawa keuntungan. Keempatnya, disamping bimbingan pengurusan, perlunya untuk menasihati golongan miskin secara konsisten tentang kepentingan berdikari dan keburukan meminta-minta.

Strategi-strategi ini kelihatan sesuai menurut konteks institusi pembiayaan mikro Islam. Namun, perlu dinyatakan bahawa hadis ini turut menekankan aspek pemilikan modal perniagaan sebagai elemen utama dalam pembasmian kemiskinan. Soal modal atau dana inilah yang menjadi permasalahan dalam operasi pembiayaan mikro Islam. Ini kerana perlaksanaannya melibatkan kos operasi yang besar berbanding institusi kewangan Islam yang lain. Pembiayaan mikro Islam terlibat secara langsung dengan kerja-kerja lapangan yang memerlukan interaksi bersama populasi miskin. Ini termasuklah aktiviti bancian dan kenalpasti populasi miskin serta perjumpaan mingguan bersama pelanggan yang selalunya dilakukan di kawasan pendalaman dan luar bandar. Aktiviti-aktiviti sokongan seperti kursus pengurusan dan keusahawanan perlu kerap dijalankan kerana populasi miskin dikatakan kurang berpengetahuan dalam aspek ini. Inisiatif-inisiatif seumpama ini mengakibatkan institusi pembiayaan mikro Islam sering mengalami kekangan sumber dana. Akibatnya, caj yang tinggi terpaksa dikenakan ke atas produk dan perkhidmatan yang ditawarkan bagi menyerap kos operasi yang mahal. Antara solusi terbaik untuk menyelesaikan masalah ini ialah melalui cara mengintegrasikan dana wakaf dalam operasi pembiayaan mikro Islam. Dana wakaf boleh dimanfaatkan untuk menampung operasi khususnya yang melibatkan aktiviti lapangan dan program sokongan. Ia secara tidak langsung mampu mengurangkan kadar caj ke atas produk pembiayaan sekaligus mampu menarik lebih ramai populasi miskin menyertai skim pembiayaan mikro dalam rangka untuk membasmi kemiskinan yang lebih efektif. Walau bagaimanapun, wujud ketidakjelasan tentang hubungjaln antara wakaf dan pembiayaan mikro khususnya dari sudut potensi, prospek, isu dan cabaran.

Justeru, makalah ini bertujuan untuk meneroka kbolehkan-laksanaan pengintegrasian wakaf dalam suasana operasi pembiayaan mikro Islam di mana tumpuan yang lebih khusus diberikan terhadap aspek prospek dan cabaran. Makalah ini dapat dibahagikan kepada beberapa sub-seksyen. Ia dimulakan dengan pendahuluan dan perbincangan tentang konsep wakaf dan pembiayaan mikro Islam. Jurang antara kedua segmen ini turut dibincangkan. Makalah seterusnya disusuli dengan analisis terhadap prospek serta protensi yang wujud dalam pengintegrasian wakaf-pembiayaan mikro Islam. Cabaran untuk mengintegrasikan wakaf-pembiayaan mikro Islam turut dianalisis. Di akhirnya, beberapa konklusi utama akan disimpulkan.

PENGENALAN PEMBIAYAAN MIKRO ISLAM DAN WAKAF

Pembiayaan Mikro Islam

Konsep pembiayaan mikro sering dikaitkan dengan penubuhan Grameen Bank di Bangladesh yang diasaskan oleh Prof. Muhammad Yunus pada tahun 1983. Pembasmian kemiskinan dan pengupayaan populasi luar bandar

menjadi agenda utama dalam amalan pembiayaan mikro. Ia dilakukan dengan kaedah memberi pinjaman perniagaan berskala kecil kepada pelanggan agar mereka mampu berdikari untuk menjalankan aktiviti keusahawanan. Perusahaan mereka turut dibantu melalui kursus-kursus berkaitan keusahawanan bagi memperkembangkan ilmu dan kemahiran pelanggan dalam bidang perusahaan mereka. Natiujahnya, beberapa kajian empirikal menunjukkan bahawa inisiatif Grameen Bank ini telah memberi impak positif dalam usaha pembasmian kemiskinan (Bhuiyan et al. 2017; Khandker 1996; Siwar and Talib 2001; Wahid 1994). Pencapaian cemerlang ini menyebabkan Prof Yunus dan Grameen Bank dianugerahkan Nobel Peace Price pada tahun 2006. Walau bagaimanapun, Grameen Bank masih sebuah institusi pembiayaan mikro tidak patuh Shariah kerana mengenakan faedah ke atas pinjaman yang diberikan. Survey yang dijalankan oleh Karim, Tarazi, dan Reille (2008) menunjukkan bahawa majoriti masyarakat muslim di negara-negara miskin enggan terlibat dengan pinjaman riba atas asas ianya bertentangan dengan prinsip dan nilai Syariat. Menyedari keperluan ini, aplikasi pembiayaan mikro Islam perlu lebih dipergiatkan bagi menyantuni keperluan masyarakat muslim miskin.

Melalui tinjauan literatur, didapati bahawa pembiayaan mikro Islam telah diamalkan lebih awal. Sungguhpun Grameen bank (pembiayaan mikro konvensional) merupakan antara institusi popular¹, perlu dinyatakan bahawa menurut sejarahnya, pembiayaan mikro Islam telah bermula sejak tahun 1963 melalui penubuhan Mitt Ghamr Savings Bank (MGSB). Ia ditubuhkan sebagai respon terhadap kemiskinan komuniti muslim pendalaman khususnya di Mesir. Walaupun MGSB sering didakwa sebagai bank Islam yang pertama, namun konsep, aplikasi serta *substansinya* adalah mirip sebuah institusi pembiayaan mikro. Ini kerana MGSB melaksanakan modus operandi pembiayaan mikro seperti berikut (Mayer 1985; Sultan 2012):

- I. Memberi pembiayaan berskala kecil (mikro) kepada pelanggan
- II. Akses kepada pembiayaan adalah untuk tujuan aktiviti keusahawanan
- III. Target pelanggan adalah golongan miskin dan luar bandar
- IV. Pelanggan perlu dibantu untuk menjadi usahawan mikro berjaya dengan menyediakan program sokongan keusahawanan dan pengurusan
- V. Menggunakan pendekatan kolateral sosial sebagai ganti kolateral aset yang sering diamalkan dalam sistem kewangan komersial.

Pembiayaan mikro Islam pada dasarnya ialah sistem kewangan yang mengaplikasikan dan membangunkan kontrak-kontrak muamalat Islam dalam penawaran produk dan perkhidmatan. *Murabahah*, *qard al-hasan* dan

¹ Sejumlah besar pengkaji beranggapan bahawa Grameen Bank yang ditubuhkan pada 1983 merupakan institusi pembiayaan mikro pertama di dunia, antaranya Desai (2014); George (2014) dan Westover (2010).

musharakah antara kontrak yang menjadi tumpuan utama. Boleh dikatakan bahawa pembiayaan jenis ini berbeza dengan sektor kewangan komersial (perbankan, pelaburan, takaful dan sukuk) dalam dua aspek utama iaitu objektif pelaksanaan dan target pelanggan. Pembiayaan mikro Islam memfokuskan populasi miskin dan luar bandar sebagai target pelanggan dan menjadikan pembasmian kemiskinan sebagai objektif utamanya. Rahman (2007) dan Ahmed (2002) merumuskan bahawa pembiayaan mikro Islam berbeza dengan konvensional dari beberapa sudut:

Jadual 1: Perbandingan pembiayaan mikro Islam dan konvensional

	Pembiayaan mikro Islam	Pembiayaan mikro konvensional
Sumber kewangan	Sumber luar, simpanan pelanggan, zakat, wakaf dsb.	Sumber luar, simpanan pelanggan
Instrumen pembiayaan	Pelbagai instrumen muamalat, cth. <i>murabahah, qard al-hasan, musharakah.</i>	Pinjaman berasaskan faedah
Populasi sasaran	Populasi miskin tegar dan sederhana	Miskin sederhana sahaja
Kumpulan sasaran	Keluarga dan wanita	Wanita shj.
Tanggungjawab hutang	Pelanggan dan pasangan	Pelanggan shj.
Cara mengatasi emungkiran (default)	Jaminan kumpulan dan pasangan, etika Islam	Tekanan kumpulan
Modus operandi	Menekankan aspek nilai keagamaan dan kepatuhan Shariah	Sekular (tidak patuh Shariah)

Sungguhpun mauduk pembiayaan mikro Islam jarang dikupas secara terperinci dalam akademia kewangan Islam, namun ia merupakan komponen yang penting dan mendasar. Ia berfungsi sebagai pelengkap sistem kewangan Islam sedia ada sebagai mekanisme untuk melaksanakan sistem kewangan terangkum (*financial inclusion*). Ini kerana sistem kewangan Islam komersial *mainstream* dilihat lebih bersifat eksklusif di mana produk dan perkhidmatannya lebih tertumpu kepada memaksimumkan keuntungan dengan mensasarkan masyarakat kelas menengah dan kelas atasan. Melalui pembiayaan mikro Islam yang lebih berorientasikan sosial, sistem kewangan Islam dilihat lebih inklusif dengan merangkumkan populasi kelas bawahan sebagai golongan sasaran. Ini sekaligus mampu menyumbang ke arah

mengembalikan amalan kewangan Islam ke posisinya yang asal iaitu untuk memberi impak yang lebih berkesan terhadap pembangunan masyarakat (Chapra 1979; Lone 2016; Mohammad dan Shahwan 2013).

Wakaf

Wakaf secara tradisionalnya dapat difahami sebagai menahan sesuatu harta bagi tujuan memanfaatkannya kepada pihak lain sebagai cara untuk mendekatkan diri (pewakaf) kepada Allah SWT (Al-Sharbīnī 1997; Ibn Qudāmah 1997). Idea awal wakaf dikatakan bermula daripada peristiwa telaga Bayrūḥā' di mana Abū Ṭalḥah RA mewakafkan telaga tersebut untuk memenuhi keperluan sumber air masyarakat setempat (Kahf 2003). Bertitik tolak dari peristiwa ini, sejarah Islam menunjukkan bahawa institusi wakaf terus pesat dibangunkan dan telah memainkan peranan penting sebagai instrumen pembangunan sosial. Ini dapat dilihat melalui pengupayaan institusi pendidikan, perkhidmatan kesihatan, pusat aktiviti sosio-budaya dan fasiliti awam (contoh: jalan dan jambatan) yang dilakukan melalui penggunaan dana wakaf secara optimum (Boudjellal 1998). Wakaf tunai juga turut giat dipromosi dan diaplikasikan bagi tujuan pembangunan sosial khususnya bagi memenuhi keperluan harian populasi miskin disamping turut digunakan sebagai modal perniagaan dan pelaburan. Sekitar abad ke-19, aset wakaf telah dibangunkan untuk menjadi alat pembasmi kemiskinan yang efektif (Sadeq 2002). Kemuncak kepesatan pembangunan wakaf dalam sejarah Islam dapat dilihat pada era khilafah Uthmaniyyah di mana kesemua fasiliti kesihatan, pendidikan dan kebajikan adalah dibiayai sepenuhnya oleh institusi wakaf (Cizakca 1998). Justeru, dapat disimpulkan bahawa antara matlamat utama wakaf adalah untuk tujuan pembangunan dan kesejahteraan sosial.

Trend berwakaf seumpama ini juga masih boleh di lihat pada zaman kontemporari. Sadeq (2002) membuat tinjauan terhadap trend berwakaf di beberapa negara Islam menyimpulkan bahawa ia dibangunkan untuk memenuhi beberapa keperluan iaitu: pendidikan, pusat perlindungan, kesihatan, pusat aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan. Sebagai contoh, di Bangladesh sejumlah lebih 8000 pusat pendidikan dibina menggunakan dana wakaf. Di Pakistan dan India, instrumen wakaf telah dibangunkan sebagai mekanisme untuk mempromosikan sektor klinik wakaf, pusat perubatan dan hospital serta institusi-institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D). Disamping perkembangan positif ini, tidak boleh dinafikan bahawa trend berwakaf yang lebih dominan sebenarnya lebih tertumpu kepada tujuan keagamaan berbanding pembangunan sosial. Misalnya di Bangladesh, sebahagian besar aset yang diwakafkan adalah untuk tujuan pembinaan masjid dan pusat dakwah. Trend yang lebih kurang serupa juga dapat dilihat di Malaysia di mana wujud ribuan ekar tanah bernilai ratusan juta ringgit yang diwakafkan untuk tujuan keagamaan seperti pembinaan masjid, surau,

madrasah dan tanah perkuburan. Dalam banyak keadaan, tanah-tanah ini tidak dapat diusahakan kerana terbatas dengan tujuan kegamaan seumpama ini. Realiti ini agak merugikan dan kelihatan tidak selari dengan realiti masyarakat muslim global yang dilanda kemiskinan dan kemunduran.

Menyedari keperluan ini, beberapa inisiatif telah dilakukan sebagai usaha membasmi kemiskinan menggunakan instrumen wakaf. Antara yang sering diperkatakan ialah melalui pengintegrasian dana wakaf dalam aplikasi pembiayaan mikro Islam. Pakistan, India dan Afrika Utara antara negara yang cuba melaksanakan inisiatif ini. Walau bagaimanapun, aplikasi ini masih di peringkat awal dan belum meluas.

JURANG ANTARA PEMBIAYAAN MIKRO ISLAM DAN WAKAF

Wakaf dan pembiayaan mikro Islam merupakan dua segmen yang berkongsi matlamat yang sama iaitu untuk membangunkan masyarakat yang sejahtera. Antara strategi yang signifikan untuk merealisasikan matlamat ini ialah dengan menangani isu kemiskinan yang melanda populasi muslim dan meningkatkan daya sosio-ekonomi mereka. Pembiayaan mikro Islam mempunyai kepakaran dalam menangani isu kemiskinan dan meningkatkan ekonomi masyarakat terpinggir khususnya golongan miskin dan luar bandar. Hal ini telah terbukti melalui banyak kajian empirikal, antaranya yang dilakukan oleh (Ahamad, Bakar, dan Lubis 2016; Gumel, MD Saad, dan Hj Kassim 2014; Mizanur 2010; Othman 2016; Rokhman 2013; Yorulmaz 2016). Walau bagaimanapun, permasalahan timbul apabila institusi pembiayaan mikro kekurangan dana untuk menjalankan operasinya yang memerlukan belanja besar. Ini kerana ia melibatkan aktiviti-aktiviti lapangan secara lansung bersama populasi miskin yang selalunya menduduki kawasan pendalaman dan luar bandar. Aktiviti ini termasuklah perjumpaan mingguan, bancian, kawal selia perusahaan mikro dan penganjuran program sokongan keusahawanan. Keadaan ini menyebabkan institusi ini terpaksa mengenakan caj yang mahal bagi produk dan perkhidmatannya walaupun pelanggan mereka terdiri dari populasi miskin. Ia tidak dapat dielakkan bagi menampung kos operasi yang diperlukan. Susulan daripada isu ini menyebabkan aplikasi pembiayaan mikro dikritik beberapa pengkaji antaranya (Ellerman 2007; Hulme 2000; Hulme dan Arun 2011; Hulme dan Maitrot 2014; Sama dan Casselman 2013).

Institusi wakaf pula mempunyai kelebihan dari aspek dana dan aset. Seperti yang telah diterangkan bahawa wujud lambakan aset wakaf yang mana ianya berpotensi besar untuk tujuan pembangunan sosial khususnya untuk membasmi kemiskinan. Namun, isu timbul apabila harta wakaf ini tidak diuruskan secara produktif dan tidak terfokus kepada pembangunan sosial yang efektif. Situasi ini mungkin berpunca daripada kurangnya kepakaran, strategi dan kemahiran dalam kalangan institusi wakaf. Di sinilah wujudnya jurang antara pembiayaan mikro Islam dan instrumen wakaf.

Dengan perkataan lain, pembiayaan mikro Islam mempunyai kekuatan dari sudut kepakaran (pembangunan sosial) tetapi lemah dari sudut pendanaan manakala institusi wakaf pula kuat dari aspek pendanaan dan lemah dari sudut kepakaran. Agak sukar untuk mendapatkan kajian yang bersifat terperinci dan komprehensif yang menghubungkan antara kedua segmen ini. Dari aspek pelaksanaan pula, amat sedikit institusi yang menawarkan pembiayaan mikro berasaskan wakaf. Hal ini berlaku mungkin kerana kurangnya kesedaran terhadap prospek dan potensi yang ada pada usaha pengintegrasian ini. Aspek inilah yang cuba diketengahkan dalam kajian ini. Disamping itu, kajian ini juga membincangkan tentang isu dan cabaran untuk disantuni sebaiknya oleh pihak berwajib dalam usaha pengintegrasian wakaf-pembiayaan mikro Islam.

PROSPEK INTEGRASI WAKAF DAN PEMBIAYAAN MIKRO ISLAM

Penambahbaikan tadbir urus patuh Shariah

Tadbir urus Shariah merupakan komponen fundamental dalam sektor kewangan Islam bagi memastikan urusan, produk dan perkhidmatan yang ditawarkan bertepatan dengan prinsip Shariah. Kajian mendapati sebilangan besar populasi miskin enggan melanggan produk pembiayaan mikro kerana ragu-ragu terhadap aspek kepatuhan Shariah (Karim, Tarazi, and Reille 2008). Perlu ditekankan bahawa industri pembiayaan mikro Islam merupakan antara sektor kewangan Islam yang amat memerlukan penambahbaikan dalam tadbir urus Shariah. Obaidullah dan Khan (2008) mendapati hampir tiada institusi pembiayaan mikro yang menubuhkan unit Shariah dan melantik penasihat Shariah untuk memantau operasi serta penawaran produk dan perkhidmatan mereka. Ketiadaan Majlis Penasihat Shariah (MPS) boleh menyumbang kepada persepsi negatif terhadap produk kewangan yang ditawarkan institusi pembiayaan mikro Islam. Aznan Hasan (2007) menerangkan bahawa tanpa tadbir urus Shariah, segala dakwaan dan *claim* bahawa sesuatu produk kewangan sebagai patuh Shariah adalah sia-sia. Kekurangan dari aspek tadbir urus Shariah ini dipercayai bertitik tolak dari kekurangan dana untuk menampung perbelanjaan menubuhkan MPS. Ini kerana ahli penasihat Shariah yang selalunya terdiri dari pakar rujuk dan golongan professional perlu dibayar dengan kadar yang setimpal. Melalui integrasi pembiayaan mikro Islam dan wakaf, isu ini dapat ditangani dengan dua cara. Pertamanya, melalui suntikan dana wakaf yang membolehkan institusi pembiayaan mikro Islam menubuhkan Majlis Penasihat Shariah dan membayar gaji pihak yang terlibat. Keduanya, pemantauan kepatuhan Shariah juga boleh dilakukan melalui pendekatan wakaf perkhidmatan dan kepakaran daripada tenaga pakar bidang muamalat dan kewangan Islam. Melalui cara seumpama ini, aspek tadbir urus Shariah dapat dilakukan dengan lebih sistematik dan optimum sekaligus meningkatkan keyakinan

masyarakat terhadap keupayaan dan ketelusan operasi institusi pembiayaan mikro Islam.

Mengurangkan kadar caj produk dan perkhidmatan

Kadar caj yang munasabah adalah perlu memandangkan institusi pembiayaan mikro Islam mengurus niaga dengan populasi miskin dan kurang berkemampuan. Selain itu, kadar caj yang murah juga perlu sebagai daya penarik untuk melibatkan lebih ramai populasi miskin menyertai pembiayaan mikro Islam. Walau bagaimanapun, realiti menunjukkan caj keuntungan yang dikenakan ke atas produk pembiayaan agak mahal. Misalnya, Amanah Ikhtiar Malaysia mengenakan caj keuntungan sebanyak 10% bagi pembiayaan yang ditawarkan, Rural Development Program di Bangladesh sebanyak 12.75% dan Baitul Maal Wat Tamwil di Indonesia sebanyak 24% hingga 30%. Ironinya, kadar caj seumpama ini dilihat lebih tinggi daripada kadar yang dikenakan oleh institusi perbankan komersial. Caj yang tinggi ini terpaksa dikenakan atas beberapa alasan antaranya, institusi pembiayaan mikro terlibat dengan kerja-kerja lapangan, pembiayaan yang diberikan hanya berskala kecil dan risiko kemungkiran (*default*) yang tinggi di kalangan populasi miskin (Kholis 2008; Obaidullah dan Khan 2008). Melalui suntikan dana wakaf, kos operasi yang terlibat dapat dikurangkan seterusnya mampu mengurangkan kadar caj. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada penambahbaikan imej institusi ini.

Program sokongan keusahawanan yang lebih baik

Pemberian akses pembiayaan kepada populasi miskin boleh memberi risiko agak tinggi kerana mereka sering dikaitkan dengan kurang kemahiran dari sudut pengurusan hutang dan pengurusan perniagaan. Justeru, mereka amat berhajat kepada kursus dan program sokongan berkaitan keusahawanan dan pengurusan. Ilmu pengetahuan adalah perkara pokok bagi memastikan kelangsungan perusahaan mikro yang dijalankan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan sedia ada menunjukkan program atau kursus yang dianjurkan agak terbatas dan tidak holistik kerana keterbatasan sumber dana. Haque dan Yamao (2011) dalam survey mereka terhadap institusi-institusi pembiayaan mikro Islam di Bangladesh mendapati kursus-kursus yang dianjurkan kepada pelanggan lebih bersifat pengetahuan asas dan tidak cukup untuk menambahbaik kemahiran mereka pada tahap sepatutnya. Keadaan ini juga antara punca sesebuah perusahaan mikro mengalami kerugian. Justeru, melalui integrasi pembiayaan mikro Islam-wakaf, dana wakaf dapat disalurkan untuk menganjurkan kursus atau program keusahawanan yang bukan lagi bersifat umum dan asas tetapi yang lebih mendalam dan spesifik kepada bidang-bidang perusahaan pelanggan. Melalui cara ini juga membolehkan kursus dijalankan secara lebih kerap dan sistematik.

Pembasmian kemiskinan yang lebih efektif

Merujuk kepada idea pembiayaan mikro, pembasmian kemiskinan perlulah dilakukan melalui penglibatan populasi miskin dalam aktiviti keusahawanan. Modal perniagaan akan dipinjamkan dan mereka akan dilatih untuk menguruskannya secara produktif. Justeru, semakin banyak modal yang dapat disalurkan kepada peniaga golongan miskin, semakin luas rangkuman dan capaian (*outreach*) program pembiayaan mikro Islam dan semakin efektif usaha pembasmian kemiskinan dapat dijalankan. Walaupun secara teorinya pembiayaan mikro Islam memberikan akses pembiayaan kepada golongan miskin tegar, namun pelaksanaan sedia ada belum mampu merealisasikan secara efektif. Akibat dari kekangan sumber dana, capaian penawaran produk dan perkhidmatan perlu dibataskan kepada golongan miskin sederhana atas alasan kelompok ini mempunyai risiko kemungkiran yang lebih rendah berbanding miskin tegar. Dana wakaf, khususnya daripada wakaf tunai, dapat digunakan untuk penawaran skim pembiayaan mikro Islam kepada lebih ramai golongan miskin bagi tujuan modal perniagaan.

Pendidikan dan kesedaran wakaf di kalangan populasi miskin

Bagi tujuan membudayakan amalan berwakaf, kesedaran tentangnya perlu untuk diterapkan secara menyeluruh melibatkan semua lapisan masyarakat tanpa mengira status. Ini kerana wakaf merupakan amalan kebajikan yang bersifat inklusif yang bukan dikhususkan kepada orang yang berkemampuan sahaja seperti halnya zakat. Namun, kesedaran berwakaf di kalangan populasi miskin dikatakan agak rendah (Adeyemi et. al 2016; Ismail et. al 2015) mungkin kerana mereka telah terbiasa menerima daripada memberi. Melalui integrasi wakaf dan pembiayaan mikro Islam, kesedaran wakaf di kalangan populasi miskin (pelanggan) boleh ditingkatkan melalui dua cara. Pertama, perjumpaan mingguan yang wajib dihadiri oleh setiap pelanggan boleh diisi dengan program berkaitan kesedaran berwakaf. Penerangan yang dilakukan secara kerap dan berkala ini boleh meningkatkan kesedaran mereka ke tahap yang lebih baik. Kedua, apabila populasi miskin mampu menikmati manfaat wakaf secara lansung melalui inisiatif intergrasi ini, ia sekaligus boleh meningkatkan motivasi mereka untuk berwakaf kerana memahami bahawa manfaatnya akan berkisar dikalangan populasi miskin seperti mereka.

Mempromosikan wakaf bagi masyarakat kelas menengah dan atasan

Masyarakat kelas menengah (Middle 40) dan kelas atasan (Top 20) menjadi subjek utama dalam agenda mempromosikan wakaf kerana mereka mempunyai kelebihan dari sudut kehartaan. Namun, golongan ini jugalah yang paling kritikal terhadap tahap efisien dan tadbir urus harta wakaf. Semakin efisien dan telus pengurusan wakaf, semakin besar daya tarikan untuk berwakaf dan semakin mudah untuk membudayakan amalan

berwakaf. Namun, data empirikal menunjukkan masih banyak ruang yang memerlukan penambahbaikan dalam pengurusan wakaf. Soal ketelusan dalam perakaunan dan transaksi wakaf antara perkara yang perlu diperhalusi dan diberikan perhatian sebaiknya (S. A.Siraj 2012). Isu sejauh mana dana wakaf mampu diuruskan oleh mutawalli hingga benar-benar mampu membangunkan ummah juga patut ditangani dengan sebaiknya (Z. Hasan 2008; Ismail, Salim, dan Hanafiah 2015). Melalui inisiatif intergrasi ini, para pewakaf dapat menyaksikan sendiri bagaimana institusi pembiayaan mikro Islam menguruskan dana wakaf sehingga mampu memperkasakan kesejahteraan sosial. Ini kerana idea dan aplikasi pembiayaan mikro telah dibuktikan secara saintifik akan kemampuannya untuk mengurangkan kemiskinan. Ia sekaligus meningkatkan keyakinan pewakaf dan secara tidak langsung mempromosikan amalan berwakaf. Menurut (Abdul Shukor et al. 2018), elemen keyakinan dan kepercayaan adalah fundamental untuk memastikan masyarakat terus berwakaf secara konsisten.

Nilai tambah terhadap imej institusi wakaf

Antara cara berkesan untuk menambahbaik imej institusi wakaf ialah dengan kaedah tadbir urus yang lebih terfokus ke arah pengupayaan *maṣlahah* sosial dengan telus dan professional. Justeru, ia mungkin berhajatkan kepada pegawai-pegawai *mutawalli* yang berpengalaman dan berkepakaran. Namun, tadbir urus sedia ada agak merisaukan kerana didapati bahawa pegawai di beberapa institusi wakaf kurang berpengetahuan dalam bidang wakaf, kurang terlatih dan kurang memahami skop tugas dan tanggungjawab sebagai pengurus harta wakaf (Ismail, Salim, dan Hanafiah 2015; Mutalib 2016; Saifuddin et al. 2014). Keadaan ini boleh menatijahkan output yang tidak memuaskan dan sekaligus menonjolkan imej yang kurang baik terhadap institusi wakaf. Menyedari kepakaran institusi pembiayaan mikro dalam aspek pengupayaan masyarakat miskin, kerjasama wakaf dan pembiayaan mikro Islam secara tidak langsung mampu menyumbang ke arah meningkatkan imej institusi wakaf.

CABARAN DALAM INTEGRASI WAKAF DAN PEMBIAYAAN MIKRO ISLAM

Kesedaran dan kefahaman masyarakat yang rendah

Tidak dinafikan bahawa masyarakat muslim khususnya di Malaysia memami konsep asas wakaf, namun wujud beberapa keterbatasan dalam memahaminya dalam konteks yang lebih praktikal dan produktif. Aset tidak alih (*waqf al-‘iqār*) seperti bangunan, premis, rumah, tanah dan masjid antara yang menjadi tumpuan utama pewakaf kerana wujud sangkaan bahawa wakaf hanya terhad kepada aset seumpama ini (Alias 2011; Osman, Htay, dan Muhammad 2012). Wakaf yang lebih bersifat fleksibel dan produktif – seperti

wakaf tunai – kurang difahami dan mendapat sambutan. Malah, sebahagian mereka mempersoalkan kesahihan wakaf tunai (Suhaimi dan Rahman 2017). Kefahaman sebegini perlu diluruskan kerana bagi menjayakan integrasi wakaf dan pembiayaan mikro Islam, instrumen wakaf tunai memainkan peranan yang vital.

Keterbatasan berwakaf untuk tujuan keagamaan

Tujuan berwakaf juga perlu diperhalusi sebaiknya kerana merujuk kepada amalan semasa, majoriti harta yang diwakafkan adalah untuk tujuan keagamaan dalam konteks yang agak terhad seperti pembinaan masjid, surau, tanah perkuburan dan madrasah. Mohd Nor dan Mohammed (2009) mendapati bahawa 80% tanah diwakafkan untuk tujuan keagamaan. Manakala wakaf untuk tujuan pembangunan dan kesejahteraan sosial – seperti pendidikan, kesihatan dan kebajikan – kurang mendapat perhatian. Oleh kerana tujuan berwakaf telah dihadkan kepada aspek-aspek keagamaan tertentu sahaja menyebabkan ia sukar untuk dibangunkan dan menjadi faktor penyumbang kepada masalah tanah wakaf terbiar. Situasi ini kelihatan kontradik dengan sejarah kecemerlangan Islam di mana wakaf dioptimumkan untuk pemerksaan fasiliti kemasyarakatan. Wakaf untuk tujuan keagamaan juga agak sukar untuk disalurkan kepada institusi pembiayaan mikro Islam kerana ia lebih berorientasikan pembangunan sosial dan kemasyarakatan.

Keterbatasan kerangka kerja integrasi wakaf-pembiayaan mikro Islam

Usaha untuk membangunkan kerangka kerja atau model adalah mustahak supaya buah fikiran dan cadangan dalam bentuk teoritikal dapat diterjemahkan kepada perlaksanaan. Ahmed (2007); Haneef et al. (2013) dan Shirazi, Obaidullah, dan Haneef (2015) merupakan antara karya yang paling dirujuk yang membincangkan idea integrasi ini. Sungguhpun begitu, agak sukar untuk mendapatkan sebuah kerangka kerja yang praktikal dan terperinci yang selaras dengan konteks perlaksanaan wakaf di Malaysia. Ini kerana aplikasi di Malaysia mempunyai prosedurnya yang tersendiri yang tertakluk kepada perundangan setiap negeri. Perlaksanaan integrasi wakaf dan pembiayaan mikro Islam di Pakistan, India dan Afrika Utara antara pilihan yang baik yang boleh dijadikan panduan untuk membangunkan kerangka kerja bagi aplikasi di Malaysia.

Dominasi dan keterbatasan wakaf khas

Aspek keanjalan atau fleksibel dalam instrumen wakaf adalah penting dalam usaha integrasi ini. Justeru, wakaf 'am dilihat lebih sesuai kerana bersifat fleksibel dan mudah dibangunkan bagi tujuan kemaslahatan umum. Walau bagaimanapun, rekod Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) menunjukkan bahawa masyarakat lebih berminat kepada wakaf khas (Suhaimi dan Rahman

2017). Oleh kerana sifatnya yang terbatas iaitu penggunaannya tertakluk kepada manfaat tertentu sahaja yang ditentukan oleh pewakaf, menyebabkan lambakan harta wakaf khas yang tidak terurus dengan baik. Beberapa strategi berpotensi untuk menyelesaikan isu ini antaranya ialah dengan memasukkan elemen wakaf bertempoh (*waqf muaqqat*). Maksudnya, kepada pewakaf yang ingin melaksanakan wakaf khas disyaratkan untuk menghadkan manfaat harta tersebut untuk tempoh tertentu sahaja (contoh: 50 tahun) kemudiannya akan ditukar menjadi wakaf 'am. Kaedah ini dipercayai boleh mengurangkan harta wakaf khas terbiar. Strategi promosi berkesan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang wakaf 'am perlu dilakukan secara konsisten agar jumlahnya dapat dapat ditingkatkan.

Prosedur penggunaan harta wakaf yang kurang fleksibel

MAIN merupakan pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf di Malaysia. Autoriti ini adalah merujuk kepada perundangan negara contohnya, seksyen 61 (Akta 505) bagi Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993 memperuntukkan:

Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazr am, dan semua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum syarak.

Dengan demikian, mengurus dan melaksanakan wakaf tanpa kebenaran MAIN merupakan satu kesalahan dari sisi undang-undang. Enakmen Wakaf negeri Terengganu dan Perak memperuntukkan:

Mana-mana orang yang mentadbir atau mengurus wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Mahamood et. al (2018) melaporkan bahawa wujud beberapa kes di mana berlakunya kelewatan dalam memberi kebenaran lalu menyebabkan sesebuah institusi sukar untuk melakukan promosi, kutipan, agihan dan pembangunan wakaf. Beberapa pengkaji menyuarakan kebimbangan pada elemen ketunggalan ini (*sole trustee*) kerana beranggapan ianya menjadi faktor yang membantutkan perkembangan wakaf di Malaysia (Alias dan Cizakca 2016; Bakar 2018; Hussin dan Rashid 2015). Pendekatan yang lebih ideal ialah harta wakaf diuruskan oleh satu institusi bebas dan berautonomi

yang dilantik sendiri oleh pewakaf kerana pendekatan seperti ini lebih dekat dengan tradisi Islam dan prinsip Shariah (Alias dan Cizakca 2016).

Sungguhpun wujud beberapa cabaran, perlu diakui bahawa perkembangan terkini menyaksikan wujud peningkatan bagi kolaborasi antara MAIN dan institusi lain ke arah pemerkasaan pembangunan harta wakaf. Kolaborasi dengan universiti awam antara yang menonjol dalam merealisasikan hasrat ini. Misalnya di USIM, sebanyak RM 2 juta diperuntukkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) kepada Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) untuk membina Klinik Pakar Kesihatan USIM. MAINS menunjukkan sikap keterbukaan dan percaya apabila kerjasama ini tidak memerlukan MOA dan dibuat tanpa had tempoh dengan syarat USIM menyediakan laporan kewangan secara berkala. Usaha sebegini antara contoh yang boleh dijadikan model dalam rangka mengintegrasikan wakaf dan pembiayaan mikro Islam secara berkesan.

PENUTUP

Pembiayaan mikro Islam dan wakaf merupakan dua komponen dalam sistem kewangan dan kehartaan Islam yang berkongsi aspirasi dan matlamat yang sama iaitu untuk memperkasakan kesejahteraan sosial khususnya di kalangan populasi miskin dan yang memerlukan. Institusi pembiayaan mikro Islam telah dibuktikan mampu untuk memperkasakan sosio-ekonomi populasi miskin dan luar bandar kerana mempunyai kepakaran dalam aspek ini. Walau bagaimanapun, institusi ini mengalami masalah sumber dana untuk melaksanakan operasinya secara efektif dan menyeluruh. Institusi wakaf pula mempunyai kelebihan dari sudut dana tetapi menghadapi kekurangan dalam aspek kepakaran pembangunan sosial. Justeru, inisiatif mengintegrasikan wakaf dan pembiayaan mikro Islam dilihat antara solusi yang ideal yang mampu melengkap antara dua institusi ini sekaligus menatijahkan impak sosial yang lebih berkesan. Beberapa prospek telah dikenalpasti antaranya ialah penambahbaikan dari sudut kepatuhan Shariah, pembasmian kemiskinan lebih efektif dan nilai tambah kepada imej institusi wakaf. Prospek ini perlu disedari agar integrasi ini dapat lebih dipergiatkan. Selain itu, beberapa cabaran turut dikenalpasti dan perlu disantuni sebaiknya antaranya, kefahaman masyarakat yang rendah, keterbatasan tujuan berwakaf, kekurangan kerangka kerja komprehensif dan prosedur harta wakaf yang terbatas. Diharap kajian ini mampu untuk dijadikan rujukan ke arah meningkatkan lagi sektor wakaf dan pembiayaan mikro Islam sekaligus mengupayakan pembangunan masyarakat yang lestari.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan USIM Grand Challenge 2019, kod penyelidikan: PPPI/UGC_0119/FSU/051000/13319. Kajian ini merakamkan

penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, khususnya kepada Universiti Sains Islam Malaysia dan ahli-ahli penyelidik.

RUJUKAN

- Abdul Shukor, Syadiyah et al. 2018. "Trust on Awqaf Institutions: Evidence from Malaysia." *Journal of Islamic Marketing*.
- Adeyemi, Adewale Abideen, Nurul Aini Ismail, and Siti Sabariah Hassan. 2016. "An Empirical Investigation of the Determinants of Cash Waqf Awareness in Malaysia." *Intellectual Discourse* (Special Issue): 501–20.
- Ahamad, Shamsuddin, Rosni Bakar, and Zulkarnain Lubis. 2016. "Islamic Microfinance and Its Impacts on Borrowers: A Systematic Review From 1995-2015." *Mediterranean Journal of Social Sciences* 7(6): 113–20. <http://www.mcser.org/journal/index.php/mjss/article/view/9579>.
- Ahmed, Habib. 2002. "Financing Microenterprises: An Analytical Study of Islamic Microfinance Institutions." *Islamic Economic Studies* 9(2): 27–64.
- — —. 2007. "Waqf -Based Microfinance : Realizing the Social Role of Islamic Finance." *International Seminar on Integrating Awqaf in the Islamic Financial Sector*: 1–22.
- Al-Sharbīnī, Al-Khaṭīb. 1997. *Mughnī Al-Muḥtāj Ilā Maʿrifati Alfāz Al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Maʿrifah.
- Alias, Tunku Alina. 2011. *Unleashing the Potential of the Waqf as an Economic Institution in Malaysia: Policy, Legal and Economics Reforms*. Kuala Lumpur: INCEIF.
- Alias, Tunku Alina, and Murat Cizakca. 2016. "Should Malaysian States Have a Fresh Approach to Waqfs ? : A Proposal for a Model Waqf Enactment." *ISRA International Journal of Islamic Finance* 6(2): 135–39.
- Bakar, Ridzwan. 2018. "Viewpoint by Guest Writer Cash Waqf for Education : Prospects and Challenges." 6(2): 1–4.
- Bhuiyan, Abul Bashar, Chamhuri Siwar, Abdul Ghafar Ismail, and Normah Omar. 2017. "The Experiences of The Grameen And Islami Bank Microfinance on The Poverty Alleviation in Bangladesh." *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance* 13(3): 64–81.
- Boudjellal, M. 1998. "Revival of the Sunnah of Waqf in Muslim Countries and Communities: Justifications and Conditions of Success." In *International Conference on Awqaf and Economic Development, Kuala Lumpur, Kuala Lumpur*.
- Chapra, Muhammad Umar. 1979. *Objectives of the Islamic Economic Order*. Leicester. The Islamic Foundation.
- Cizakca, Murat. 1998. "Awqaf in History and Implications for Modern Islamic Economics." In *The International Conference on Awqaf and Economic Development, Kuala Lumpur,.*

- Desai, Murli. 2014. *The Paradigm of International Social Development: Ideologies, Development Systems and Policy Approaches*. New York: Routledge.
- Ellerman, David. 2007. "Microfinance: Some Conceptual and Methodological Problems." In *What's Wrong With Microfinance?*, eds. Thomas Ditcher and Malcolm Harper. Warwickshire: Practical Action Publishing, 149–62.
- George, Akin. 2014. "Are Microfinance Banks Important in Deposit Mobilisation in Nigeria?" *Research Journal of Finance and Accounting* 5(9): 53–58.
- Gumel, Gambo Babandi, Norma MD Saad, and Salina Hj Kassim. 2014. "Assessing the Impact of Islamic Microfinance on Poverty Alleviation in Northern Nigeria." *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance* 10(4): 37–49.
- Haneef, Mohamed a et al. 2013. "Integration of Waqf and Islamic Microfinance for Poverty Reduction: A Survey in Kuala Selangor, Malaysia." *Journal of Islamic Finance* 2(2): 1–16.
- Haque, Muhammad Sayeedul, and Masahiro Yamao. 2011. "Prospects and Challenges of Islamic Microfinance Programmes: A Case Study in Bangladesh." *International Journal of Economic Policy in Emerging Economies* 4(1): 95–111.
- Hasan, Aznan. 2007. "Optimal Shariah Governance in Islamic Finance." *Islamic Finance News* 4(14): 7.
- Hasan, Zulkifli. 2008. "An Overview of the Effectiveness of the Administration of Waqf Land in Malaysia." *Shariah Law Report, Current Law Journal* (June): 1–17.
- Hulme, David. 2000. "Is Microdebt Good for Poor People? A Note on the Dark Side of Microfinance." *Small Enterprise Development* 11(1): 26–28.
- Hulme, David, and Thankom Arun. 2011. "What's Wrong and Right with Microfinance." *Economic And Political Weekly* 46(48): 23–26.
- Hulme, David, and Mathilde Maitrot. 2014. "Has Microfinance Lost Its Moral Compass?" *Economic and Political Weekly* XLIX(48): 77–86.
- Hussin, Rohayati, and Rusnadewi Abdul Rashid. 2015. "Isu-Isu Berkaitan Tanah Wakaf: Halangan Kepada Pembangunan Institusi Wakaf Pendidikan Tinggi Di Malaysia." In *Waqf Round Table Conference, IkaZ/ACIS*, 1–13.
- Ibn Qudāmah, 'Abd Allāh bin Aḥmad. 1997. *Al-Mughnī*. Riyadh: Dār 'Alām al-Kutub.
- Ismail, Che Zuina, Nor Jana Salim, and Nor Jawanees Ahmad Hanafiah. 2015. "Administration and Management of Waqf Land in Malaysia: Issues and Solutions." *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6(4): 613–20.

- Kahf, Monzer. 2003. *The International Seminar on Waqf as a Private Legal Body The Role of Waqf In Improving The Ummah Welfare*. Medan.
- Karim, Nimrah, Michael Tarazi, and Xavier Reille. 2008. 49 CGAP Focus Note 49 *Islamic Microfinance: An Emerging Market Niche*. Washington D.C.
- Khandker, Shahidur R. 1996. "Grameen Bank: Impact, Costs, and Program Sustainability." *Asian Development Review* 14(1): 65–85.
- Kholis, Nur. 2008. "Murābahah Mode of Financing for Micro and Medium Sized Enterprises: A Case Study of Baitul Mal Wattamwil (BMT), Yogyakarta, Indonesia." In *Islamic Finance for Micro and Medium Enterprises*, eds. Mohammed Obaidullah and Salma Abdul Latiff. Jeddah: Islamic Research and Training Institute, 161–79.
- Lone, Fayaz Ahmad. 2016. *17 Islamic Banks and Financial Institutions: A Study of Their Objectives and Achievements*. Hampshire: Palgrave Macmillan.
- Majah, Muhammad Ibn. 2007. *Sunan Ibn Majah*. eds. Hafiq Abu Zubair `Ali Za'i, Nasiruddin Al-Khattab, and Abu Khaliyl. London: Maktaba Darul Salam.
- Mayer, Ann Elizabeth. 1985. "Islamic Banking and Credit Policies in the Sadat Era: The Social Origins of Islamic Banking in Egypt." *Arab Law Quarterly* 1(1): 32–50.
- Mizanur, M. Rahman. 2010. "Islamic Micro-Finance Programme and Its Impact on Rural Poverty Alleviation." *International Journal of Banking and Finance* 7(1): 119–38.
- Mohammad, Mustafa Omar, and Syahidawati Shahwan. 2013. "The Objective of Islamic Economic and Islamic Banking in Light of Maqasid Al-Shariah: A Critical Review." *Middle-East Journal of Scientific Research* 13: 75–84.
- Mohd Nor, Norhaliza, and Mustafa Omar Mohammed. 2009. "Categorization of Waqf Lands and Their Management Using Islamic Investment Models: The Case of the State of Selangor, Malaysia." *Islamic Business Research Center*: 1–13.
- Mutalib, Hasyeilla Abd. 2016. "Challenges of Management Practices in Institutional Mutawalli to Achieve Utilisation of Waqf Property: An Exploratory Study." (January): 425–30.
- Nor Aishah Ismail, Azila Abdul Razak, Fidlizan Muhammad. 2015. "Amalan Wakaf Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Kota Bharu Kelantan." *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 9: 14–25.
- Obaidullah, Mohammed, and Tariqullah Khan. 2008. *Islamic Microfinance Development: Challenges and Initiatives*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute.
- Osman, Amirul Faiz, Sheila Nu Nu Htay, and Mustafa Omar Muhammad. 2012. "Determinants of Cash Waqf Giving in Malaysia: Survey of

- Selected Works." In *Workshop Antarbangsa Pembangunan Berteraskan Islam V (WAPI-5)*, Medan.
- Othman, Muahamd Badri. 2016. "Socio-Economic Impact of Islamic Microfinance: An Overview of Malaysian Experiences." In *International Conference on Business, Economics, Socio-Culture & Tourism 2016*, Jawa Tengah: Universitas Semarang, 1–8.
- Rahman, Abdul Rahim Abdul. 2007. "Islamic Microfinance: A Missing Component in Islamic Banking." *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies* 2: 38–53.
- Rokhman, Wahibur. 2013. "The Effect of Islamic Microfinance on Poverty Alleviation: Study in Indonesia." *Journal of Economics and Business* XI(2): 21–31.
- Sadeq, AbulHasan M. 2002. "Waqf, Perpetual Charity and Poverty Alleviation." *International Journal of Social Economics* 29(1/2): 135–51.
- Saifuddin, Farhah et al. 2014. "The Role of Cash Waqf in Poverty Alleviation : Case of Malaysia." *Kuala Lumpur International Business, Economics and Law Conference 4 (KLIBEL4)* 1(June): 272–89.
- Sama, Linda M., and R. Mitch Casselman. 2013. "Profiting from Poverty: Ethics of Microfinance in BOP." *South Asian Journal of Global Business Research* 2(1): 82–103.
- Shirazi, Nasim Shah, Mohammed Obaidullah, and Mohamed Aslam Haneef. 2015. *Integration of Waqf and Islamic Microfinance for Poverty Reduction : Case of Pakistan*. Islamic Research and Training Institute.
- Siti Alawiah Siraj. 2012. *2 An Empirical Investigation Inyo the Accounting, Accountability and Effectiveness of Waf Management in the State Islamic Religious Councils (SIRCs) in Malaysia*. Cardiff: Cardiff University.
- Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab. Rahman, and Azizi Che Seman. 2018. "Cabaran Pelaksanaan Wakaf Universiti Awam Di Malaysia: Analisis Menurut Perundangan Di Malaysia." *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 30(2): 383–409.
- Siwar, Chamhuri, and Basri Abd. Talib. 2001. "Micro-Finance Capacity Assessment for Poverty Alleviation: Outreach, Viability and Sustainability." *Humanomics* 17(1): 116–33.
- Suhaimi, Farhana Mohamad, and Asmak Ab Rahman. 2017. "Is Society Willing to Donate Waqf? Opinions of the State Islamic Religious Councils in Malaysia." *Shariah Journal* 25(2): 267–88.
- Sultan, Hussam. 2012. "Islamic Microfinance: Between Commercial Viability and the Higher Objectives of Shari'a." In *Shari'a Compliant Microfinance*, ed. S Nazim Ali. New York: Routledge, 46–58.
- UNDP. 2019. *Human Development Index 2018*. New York: United Nations Development Programme.

- Wahid, Abu N. M. 1994. "The Grameen Bank and Poverty Alleviation in Bangladesh: Theory, Evidence and Limitations." *American Journal of Economics and Sociology* 53(1): 1–15.
- Westover, Jonathan H. 2010. "The Impact of Microfinance Programmes on Poverty Reduction." *Spanda Journal* 1(2): 25–28.
- World Bank. 2015. 1 Statewide Agricultural Land Use Baseline 2015 *The Little Data Book in Financial Inclusion*. Washington: The World Bank.
- Yorulmaz, Recep. 2016. "Essays on Global Financial Inclusion." : 1–201.
- Yoshino, Naoyuki, and Peter J. Morgan. 2018. "Financial Inclusion, Financial Stability and Income Inequality: Introduction." *The Singapore Economic Review* 63(1): 1–7.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.